

544:  
UMNO

1975

KUALA LUMPUR, 2 OGOS (BERNAMA)-ENAM MUKA BARU ADALAH ANTARA TUJUH ORANG YANG DILANTIK MENJADI ANGGUTA MAJLIS TERTINGGI UMNO YANG DIUMUMKAN OLEH TUN ABDUL RAZAK HARI INI.

MEREKA IALAH: DATUK ABDULLAH AHMAD (TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI), DATUK MOHAMAD JUSOH (MENTERI BESAR PAHANG), ENCIK ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (ANGGUTA PARLIMEN - BESUT), HAJI AHMAD RAZALI BIN ALI (AHLI EXCO NEGERI SELANGOR), DATIN ZAINAB ISMAIL KETUA PERGERAKAN WANITA UMNO PERAK) DAN HAJI AHMAD BADWI (AHLI EXCO PULAU PINANG).

HAJI AHMAD BADWI JUGA TELAH DILANTIK MENJADI PENERUSI JAWATANKUASA PERHUBUNGAN UMNO PULAU PINANG YANG BARU.

ANGGUTA KETUJUH IALAH MENTERI BESAR KEDAH, DATO' SRI SYED AHMAD SHAHABUDDIN YANG MENJADI ANGGUTA YANG DIPILIH MAJLIS TERTINGGI UMNO YANG LALU. -- BERSAMBUNG HM 1458

546:

UMNO 2 KUALA LUMPUR

TUN ABDUL RAZAK JUGA TELAH MELANTIK KETUA-KETUA BERBAGAI BIRO DAN JAWATANKUASA UMNO.

BELIAU SENDIRI MENGETUAI BIRO POLITIK, SEMENTARA DATO HUSSEIN ONN MENGETUAI BIRO KEWANGAN.

DATO' HUSSEIN JUGA MENJADI PENERUSI JAWATANKUASA DISIPLIN.

LAIN-LAIN KETUA BIRO IALAH: TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH (EKONOMI), DR. MAHATHIR MOHAMED (PELAJARAN), DATUK MUSA HITAM (BURUH), DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN ISA (UGAMA) DAN DATO' ALI HAJI AHMAD (KEBUDAYAAN DAN KEBAJIKAN).

ENCIK ABDUL GHAFAR BABA MENGETUAI JAWATANKUASA PENERANGAN, PILIHANRAYA DAN PERHUBUNGAN.

BERUCAP KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MEMPENGURUSIKAN MESYUARAT PERTAMA MAJLIS TERTINGGI UMNO HARI INI, TUN RAZAK BERKATA, BELIAU TELAH MEMBERI PENERANGAN KEPADA AHLI-AHLI MAJLIS ITU TENTANG PERKEMBANGAN POLITIK DI SABAH.

BELIAU JUGA TELAH MENERANGKAN KEPADA MEREKA MENGENAI KEDUDUKAN KEWANGAN, EKONOMI DAN KESELAMATAN. -- BERNAMA 1508/AI

(65)